



JORDAN, Nurul Askikin dan Umi Nur Zahidah mewakili UMS dalam pertandingan debat AICHR 2017.

Pelajar Hubungan Antarabangsa pameran aksi mantap dalam debat AICHR

UB 3.8.2017 A2

KOTA KINABALU: Pelajar program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) mempamerkan aksi memberangsangkan dalam pertandingan Debat Belia Suruhanjaya Hak Asasi Manusia antara Kerajaan ASEAN (AICHR) peringkat kebangsaan.

Berlangsung di Wilayah Persekutuan Putrajaya, mereka yang mewakili Universiti Malaysia Sabah (UMS) ialah Jordan Irutheeyanathan, Nurul Askikin Mohd Nohan dan

Umi Nur Zahidah Mohd Kaslan.

Dengan persembahan yang penuh bertenaga dan meyakinkan, dua peserta yang mewakili UMS terpilih untuk mewakili Malaysia ke pertandingan Human Right Debate 2017 di Bangkok, Thailand pada September depan.

Jordan bakal beraksi bersama-sama tiga lagi pendebat dari universiti lain yang telah terpilih, manakala Umi Nur dinamakan sebagai ahli pasukan simpanan bagi menggantikan peserta utama sekiranya tidak dapat hadir ke

pertandingan itu.

Penyertaan UMS buat julung kalinya itu dipelawa AICHR Malaysia dengan dibiayai oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) Kota Kinabalu.

Debat AICHR mula dipertandingkan sejak tahun 2014 dengan objektif meningkatkan kesedaran golongan belia tentang hak asasi manusia.

Penganjuran tahun ini mengangkat tema 'The 50th Anniversary of ASEAN: Forging Ahead Together Towards a Sustainable Community'.